

ANALYSIS OF MEANING ACCURACY IN THE TRANSLATION OF MALAY TO ARABIC SENTENCES AMONG AMONG STUDENTS OF UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

ANALISIS KETEPATAN MAKNA TERJEMAHAN AYAT MELAYU-ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Arnida A Bakarⁱ, Lubna Abd. Rahmanⁱⁱ & Wahida Mansorⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. arnida@usim.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. lubna@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. wahida@usim.edu.my

Abstract	<p><i>Translation plays vital roles of spreading knowledge, information and important messages contained in the source language to the target language. A good translation conveys the meaning accurately and clearly for the optimal production of aspects of effectiveness and understanding of the message. Therefore, accurate translation ensures that the information contained in the source text is transferred to the target text without any information being left out, added, omitted or different from the source text. On the other hand, when there is a reduction in meaning such as information in the source text is omitted in the target text, then an inaccurate translation results. Thus, this study aims to analyze the accuracy of the meaning of Malay-Arabic verse translations produced by the students majoring in Arabic and Communication, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). This research method is a qualitative approach by applying the document analysis method to collect research data. The research corpus consists of Malay-Arabic sentences in translation tests which are taken from various texts genre. Descriptive analysis of the translated sentences was conducted to identify the accuracy of the meaning done by the 3rd year students, in grouping activities. A deep mastery of Arabic among students is a key condition to achieve a good level of translation in the target language. This is to ensure that a high-quality and effective translation is produced, and message delivery is successful. At the same time, natural, closest and accurate meaning is achieved in the target text.</i></p> <p>Keywords: <i>Meaning, Accuracy, Analysis, Translation, Arabic-Malay.</i></p>
Abstrak	<p><i>Terjemahan berperanan menyebarkan ilmu pengetahuan, maklumat dan mesej penting yang terkandung dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Terjemahan yang baik menyalurkan makna dengan tepat dan jelas bagi penghasilan optimum aspek keberkesanan dan pemahaman mesej. Oleh itu, terjemahan yang tepat memastikan maklumat yang terkandung dalam teks sumber dipindahkan kepada teks sasaran tanpa tiada maklumat yang tertinggal, ditambah, dikosongkan ataupun berbeza daripada teks sumber. Sebaliknya, apabila berlaku pengurangan makna iaitu maklumat dalam teks sumber tertinggal dalam teks sasaran, maka terjemahan yang tidak tepat terhasil. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis ketepatan makna bagi</i></p>

	<p><i>terjemahan ayat Melayu-Arab yang dihasilkan oleh para pelajar jurusan bahasa Arab dan Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Metod kajian ini berbentuk pendekatan kualitatif dengan mengaplikasi kaedah analisis dokumen bagi mengumpul data kajian. Korpus kajian pula terdiri daripada ujian terjemahan ayat Melayu-Arab yang dipetik daripada pelbagai jenis teks. Analisis deskriptif terhadap isi kandungan ujian dilakukan bertujuan mengenal pasti ketepatan makna yang diberikan bagi ayat yang diterjemahkan oleh pelajar tahun 3 secara berkumpulan. Penguasaan bahasa Arab yang mendalam dalam kalangan pelajar merupakan satu syarat utama bagi mencapai tahap terjemahan yang baik dalam bahasa sasaran. Hal ini bagi memastikan terjemahan yang berkualiti dan berkesan dari sudut penyampaian mesej serta makna yang tepat dan sejedi dapat dihasilkan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Analisis, Ketepatan, Makna, Terjemahan, Arab-Melayu.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Penterjemahan pada peringkat ayat merupakan salah satu aktiviti yang juga termasuk dalam unit asas bahasa selain perkataan, frasa dan klausa. Malah, komponen-komponen tersebutlah yang akhirnya membentuk satu ayat yang baik serta mampu difahami maksudnya dengan jelas dalam bahasa sumber. Selain itu, setiap bahasa mempunyai ciri-ciri tersendiri tatabahasa yang membentuk suatu ayat. Sebagai contoh, ayat dalam bahasa Melayu lazimnya terbentuk daripada sekumpulan kata yang tersusun dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu subjek dan predikat seperti "Lelaki itu kurus" (Muhammad Norrudin Abdul Aziz & Mat Ariffin Ismail, 2017). Manakala ayat dalam bahasa Arab pula lazimnya dimulai dengan kata kerja, pelaku dan objek seperti "يشاهد محمد التلفاز" (*Jumlah Fi'liyyah*). Namun pada situasi tertentu, ayat dalam bahasa Arab juga boleh dimulai dengan kata nama bertujuan memberi penekanan kepada pelaku, kemudian disusuli dengan kata kerja dan objek (*Jumlah Ismiyyah*) seperti "محمد يأكل ذلك الطعام". Perkataan-perkataan inilah yang membentuk ikatan antara satu sama lain, berfungsi dalam memberi makna tertentu yang ingin disampaikan oleh bahasa sumber (al-Rajhi, 1971). Oleh itu, memahami maksud sesuatu ayat penting bagi memastikan ketepatan makna dan penyaluran mesej dapat dipindahkan dengan baik dan berjaya kepada bahasa sasaran melalui aktiviti penterjemahan.

Peranan penterjemah dilihat sangat penting iaitu sebagai orang tengah antara teks sumber dan teks sasaran dalam menyampaikan pesan (mesej serta maklumat). Justeru, sebelum penterjemahan dilakukan, penterjemah perlu mengkaji 3 aspek utama iaitu leksikal, rumus tatabahasa dan konteks budaya teks sumber. Setelah semua ini diambil kira, barulah pesan tersebut dapat disampaikan dengan tepat maksudnya dan difahami oleh pembaca bahasa sasaran berdasarkan leksikal dan rumus tatabahasa yang bersesuaian dengan konteks budaya mereka (al-Farisi, 2011).

Suatu terjemahan yang baik dan berkualiti sentiasa memastikan maklumat yang terkandung dalam teks sumber dipindahkan dengan jelas tanpa berlaku kekaburan. Begitu juga, terjemahan yang tepat memastikan semua maklumat yang terkandung dalam teks sumber dipindahkan kepada teks sasaran tanpa ada yang tertinggal, ditambah, dikosongkan ataupun berbeza daripada teks sumber (Larson, 1998). Jika sebaliknya berlaku, maka terhasil ketidaktepatan terjemahan, menjejaskan kualiti dari sudut pemahaman mesej yang hendak disampaikan serta membawa kepada kehilangan makna.

Terjemahan yang baik mampu menggarap maksud sebenar pengarang buku yang diterjemahkan dengan tepat serta dapat difahami sepenuhnya oleh pembaca (Sarinah, 2001). Namun, terjemahan tersebut dianggap kurang berjaya sekiranya terjemahan tersebut menyimpang daripada maksud yang diinginkan pengarang asalnya. Justeru, bagi mencapai tahap terjemahan yang mempunyai kualiti, perlulah difokuskan kepada ketepatan terjemahan dari sudut maksudnya, tiada kekaburan makna serta tidak menyeleweng daripada apa yang dikehendaki oleh pengarang asalnya. Menurut Ainon

Mohamad (1979), beliau menyatakan ukuran sama ada sesuatu terjemahan itu berjaya atau gagal, turut ditentukan oleh pembaca yang disasarkan (*target audience*). Ini bermakna sama ada mereka memahami dengan tepat terjemahan tersebut atau sebaliknya. Justeru, apa yang dititikberatkan bukan setakat pembaca mungkin faham, tetapi supaya pembaca pasti faham dengan apa yang dimaksudkan dalam terjemahan tersebut.

TERJEMAHAN YANG BAIK

Terdapat banyak perbincangan dan kupasan oleh para ilmuwan mengenai kriteria terjemahan yang baik. Secara umumnya, terjemahan yang baik harus mudah difahami oleh pembaca sasaran dan tidak berbau terjemahan. Terjemahan yang baik mempunyai ciri-ciri berikut: ketepatan (*accuracy*), kejelasan (*clarity*), dan bersahaja (*naturalness*). Ini termasuklah aspek kebolehbacaan (*readability*) dan kebolehterimaan (*acceptability*) yang dianggap sebagai aspek penting dalam penghasilan terjemahan yang baik (Larson, 1989; Larsen, 2001; McDonald. 2020). Namun, penulisan ini hanya akan mengupas mengenai ketepatan makna, khususnya dalam penterjemahan Melayu-Arab.

Ketepatan merupakan salah satu ciri terjemahan yang baik dan berkualiti. Ketepatan di sini bermaksud terjemahan yang menyampaikan maklumat atau mesej daripada bahasa sumber (BSu) dengan betul, tepat, dan jujur sesuai dengan kehendak penulis BSu. Ini bermakna tiada maklumat yang tertinggal, ditambah atau berbeza semasa memindahkan mesej asal. Oleh itu, penterjemah, jika ingin mendapatkan terjemahan yang baik dan berkualiti, tidak boleh mengabaikan, menambah, atau mengurangkan makna yang terkandung dalam BSu. Terjemahan bukan bertujuan untuk mencipta karya baharu atau tulisan baharu, tetapi bertujuan untuk menjadi jambatan antara pengarang BSu dan pembaca bahasa sasaran (BSa). Dalam erti kata lain, penterjemah tidak meringkaskan teks sumber ke dalam teks sasaran tetapi penterjemah mestilah mampu menjadi pemudah cara komunikasi yang berperanan menyampaikan mesej yang terkandung dalam BSu ke dalam BSa dengan sewajarnya. Hal ini penting bagi membolehkan pembaca dapat memahami karya terjemahan dengan mudah dan sesuai dengan mesej yang terkandung di dalamnya, selari dengan tujuan penterjemahan iaitu menyampaikan maksud dengan tepat (McDonald, 2020).

Ketepatan dalam terjemahan merangkumi kajian dan analisis terhadap kosa kata, struktur tatabahasa, situasi komunikasi dan konteks budaya teks BSu. Ini bagi menentukan maknanya dan seterusnya membina semula makna yang sama menggunakan kosa kata dan struktur tatabahasa yang sesuai dalam BSa dan konteks budayanya. Terjemahan boleh dikatakan tepat sekiranya tidak terkeluar daripada konteks atau maklumat yang terdapat dalam teks sumber. Sekiranya hasil terjemahan tidak sepadan dengan makna pada bahasa sasaran dan konteks, boleh dikatakan terjemahan itu tidak tepat. Selain itu, perkara terpenting dalam hasil terjemahan ialah karya asli yang mengekalkan makna dan konteks daripada bahasa sumber (Nur Hasanah & Kisman, 2018). Dalam erti kata lain, terjemahan yang dihasilkan itu harus berupaya menyampaikan mesej yang sama seperti yang dimaksudkan oleh penulis teks sumber. Dalam pada itu, makna yang dipindahkan juga haruslah tepat dan tidak menyimpang daripada maksud asal teks sumber. Terjemahan itu juga perlu mudah difahami apabila dibaca oleh pembaca sasaran.

Menurut Larson (1998), ketepatan dalam terjemahan perlu disemak kerana adakalanya penterjemah melakukan kesilapan semasa menganalisis teks sumber atau semasa memindahkan makna. Ketepatan boleh diuji dengan melakukan beberapa cara seperti berikut:

- i. membandingkan hasil terjemahan dengan teks sumber di beberapa tempat terlebih dahulu semasa proses terjemahan,
- ii. selepas perbandingan selesai, lakukan satu perbandingan yang lebih teliti dan menyeluruh,
- iii. apabila menyemak persamaan atau kesepadanan maklumat atau mesej, pastikan maklumat itu disertakan – tiada tertinggal, tiada tambah dan tiada beza,

- iv. selepas menyemak untuk memastikan semua maklumat ada, buat sekali lagi perbandingan antara BSu dan teks BSa.

Terjemahan yang baik juga haruslah memenuhi beberapa prinsip, antaranya: mengungkap idea sebenar penulis asal atau mengekalkan makna yang terkandung dalam teks sumber; memperlihatkan gaya dan cara penulisan yang sama seperti karya asal dan kesan terjemahan dapat dirasai seolah-olah sebuah karya asli (Tytler, 1907). Prinsip ini perlu diberi perhatian oleh penterjemah dalam menghasilkan suatu terjemahan yang berkualiti. Aspek ketepatan dalam pemindahan makna daripada teks sumber ke dalam teks sasaran perlu menjadi keutamaan kepada penterjemah bagi mencapai kesepadanan antara kedua-dua teks tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian kualitatif dengan mengaplikasi kaedah analisis dokumen. Kajian dilakukan bagi mengenal pasti ketepatan makna terjemahan yang dihasilkan melalui penelitian dan analisis hasil terjemahan oleh para pelajar tahun 3 Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) yang mengambil kursus BAL 4143 *Maharat al-Tarjamah* (Kemahiran Menterjemah), semester A222, sesi akademik 2022/2023. Mereka diberikan ujian menterjemah ayat dalam bahasa Melayu dan dikehendaki memindahkannya kepada bahasa Arab. Ayat-ayat tersebut dianalisis dari sudut ketepatan makna dengan mengenalpasti DUA perkara utama (Boh Phaik Ean & Goh Sang Seong, 2015):

Pertama: terjemahan tepat, iaitu semua maklumat yang terkandung dalam teks sumber dipindahkan ke dalam teks sasaran. Ini bermakna tiada apa-apa maklumat yang tertinggal, ditambah, dikosongkan ataupun berbeza daripada teks sumber bagi hasil terjemahan yang dibuat.

Kedua: terjemahan tidak tepat. Ketidaktepatan boleh dilihat daripada perkara berikut:

- i. berlaku pengurangan makna - maklumat dalam teks sumber tertinggal dalam teks sasaran
- ii. penambahan makna - maklumat yang tiada dalam teks sumber telah ditambahkan ke dalam teks sasaran
- iii. perbezaan makna - maklumat yang salah telah diberikan dalam teks sasaran
- iv. pengosongan makna - tiada padanan terjemahan yang diberikan dalam teks sasaran.

Pemilihan sampel ayat dalam bahasa Melayu dan terjemahannya kepada bahasa Arab dibuat berdasarkan enam kumpulan besar pelajar yang terlibat bagi kursus ini iaitu KBA1 hingga KBA6. Terdapat sepuluh ayat dalam bahasa Melayu yang perlu diterjemahkan kepada bahasa Arab oleh para pelajar dalam ujian tersebut. Sampel ayat dipilih secara rawak berlapis (strata) yang mewakili enam kumpulan besar pelajar tersebut. Kemudian, sampel diekstrak berdasarkan hasil terjemahan tepat dan terjemahan tidak tepat yang dikenal pasti dalam ujian terjemahan ayat Melayu-Arab. Teks Sumber (TSu) merujuk kepada soalan ujian, manakala Teks Sasaran (TSA) merujuk kepada jawapan pelajar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Terjemahan Tepat

Ketepatan makna terjemahan ayat Melayu-Arab dapat dikenal pasti apabila teks sasaran mengandungi mesej yang setara seperti yang dimaksudkan dalam teks sumber.

Contoh 1

TSu:	Revolusi Perancis telah mengubah dunia.
TSa:	غيرت الثورة الفرنسية وجه العالم.

Frasa kerja “telah mengubah dunia” (TSu) yang diterjemahkan kepada "غيرت ... وجه العالم" (TSa) dalam contoh 1 menunjukkan persamaan dari sudut makna yang dipindahkan serta kesetaraan mesej yang dimaksudkan (Almaany, 2023). Begitu juga dengan bentuk ayat (TSu) yang terdiri daripada subjek dan predikat, diterjemahkan (secara terjemahan literal) dengan bentuk ayat yang dimulai dengan kata kerja, disusuli pelaku dan objek (*Jumlah Fi'liyyah*) dalam (TSa). Oleh itu, padanan terjemahan yang diberikan adalah setara dan jelas difahami maksudnya. Kajian mendapati pelajar peka dengan pemilihan makna leksikal yang bertepatan dengan maksud asal serta ciri-ciri bentuk ayat yang dimiliki oleh bahasa Melayu dan bahasa Arab. Hasilnya, terjemahan pelajar ini dikenalpasti memenuhi ciri-ciri terjemahan tepat dan sejadi.

Contoh 2

TSu:	Setelah selesai membuat kerja rumah, dia pergi ke panggung wayang bersama kakaknya.
TSa:	بعد الانتهاء من واجباته المنزلية، ذهب إلى السينما مع أخته.

Terjemahan ayat yang dihasilkan bagi contoh 2 di atas memenuhi ciri-ciri terjemahan tepat dan sejadi kerana menepati struktur ayat (TSa) iaitu mempunyai subjek dan predikat yang diawalkan posisinya. Selain itu, frasa kata nama “kerja rumah” telah diterjemah dengan tepat iaitu “واجباته المنزلية” kerana memenuhi syarat pembentukan frasa nama dan adjektif (TSa) iaitu الصفة والموصوف. Pelajar juga berjaya memindahkan mesej (TSu) dengan baik melalui padanan makna perkataan yang setara antara bahasa sumber (BSu) dan bahasa sasaran (BSa).

Contoh 3

TSu:	Harga barang makanan telah meningkat secara mendadak di kebanyakan negara berikutan operasi ketenteraan Rusia dan Ukraine.
TSa:	ارتفعت أسعار المواد الغذائية بشكل كبير في معظم البلدان في أعقاب العمليات العسكرية الروسية في أوكرانيا.

Penelitian terhadap hasil terjemahan ayat oleh pelajar bagi contoh 3 menunjukkan mereka berjaya memindahkan mesej (TSu) ke (TSa) dengan baik dan setara. Mereka berjaya menterjemah (TSu) ke (TSa) dengan menggunakan binaan ayat (*Jumlah Fi'liyyah*) yang menepati struktur dan sintaksis (BSa) iaitu bahasa Arab. Frasa adjektif “secara mendadak” pula diterjemahkan secara modulasi “بشكل كبير” dan menghasilkan makna yang sepadan. Selain itu, pelajar juga peka dalam aspek pemilihan makna leksikal yang setara dengan makna asal (TSu).

Terjemahan Tidak Tepat

Manakala ketepatan makna terjemahan ayat Melayu-Arab dikenalpasti tidak tercapai apabila TSa tidak mengandungi mesej yang setara seperti yang dimaksudkan dalam TSu. Antaranya apabila ada maknanya yang tertinggal, diberikan makna tambahan, disampaikan makna yang berbeza atau digugurkan dalam teks sasaran (Mariyati Mohd. Nor, 2021).

a. Pengurangan Makna

Contoh 4

TSu:	Hujan <u>pasti turun</u> kerana langit diliputi mendung yang tebal.
TSa:	نزل المطر لأن مغلق بكثيف الغائم.

Frasa adjektif “pasti turun” dalam (TSu) tidak diterjemahkan dengan lengkap, iaitu perkataan “pasti” digugurkan- dalam (TSa) seperti yang ditunjukkan dalam contoh 4. Sebaliknya, ia perlu diterjemah sebagai (... من المؤكد أن المطر سيسقط ...) Oleh itu, maksud asal ayat tidak disampaikan dengan tepat dan jelas disebabkan ada maklumat utama tertinggal dalam (TSa). Begitu juga dengan kata kerja “turun” (TSa) dipindahkan kepada "نزل" yang merujuk kepada kata kerja masa lampau (الماضي). Dalam hal ini, terjemahan tidak tepat dikenal pasti kerana (TSu) tidak berjaya disalin semula secara lengkap dan setara maksudnya dalam (TSa). Kajian mendapati pelajar tidak peka dengan kesan penguguran maklumat asal yang menyebabkan ketidaktepatan terjemahan maksud ayat dalam (TSu). Hasilnya, terjemahan pelajar ini dikenalpasti tidak memenuhi ciri-ciri terjemahan tepat.

Contoh 5

TSu:	Pengguna platform media sosial Instagram dari beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Perancis, Jerman dan Sepanyol <u>melaporkan gangguan pada aplikasi tersebut.</u>
TSa:	مستخدم وسائل الإعلام الاجتماعي من البلاد الكثيرة مثل الولايات المتحدة الأمريكية كندا، فرنسا، ألمانيا، وإسبانيا.

Penelitian terhadap hasil terjemahan frasa kerja (predikat) oleh pelajar dalam contoh 5 menunjukkan terdapat pengurangan makna kerana ayat TSu iaitu “ melaporkan gangguan pada aplikasi” tersebut tidak diterjemahkan ke (TSa). Ini menyebabkan mesej (TSu) tidak disampaikan dengan sempurna oleh penterjemah, malah turut mencacatkan struktur ayat (TSa) iaitu tidak mengandungi predikat iaitu الخبر . Terjemahan yang baik perlu mengandungi semua mesej yang ingin disampaikan oleh (TSu) serta mesti mengikut struktur pembinaan ayat (TSa) iaitu mengandungi subjek (المبتدأ) dan predikat (الخبر).

b. Penambahan Makna

Contoh 6

TSu:	Kerajaan amat menggalakkan pemakaian pelitup muka terutama apabila berada di lokasi tumpuan ramai seperti pasar malam, stadium, gedung beli-belah dan rumah ibadah.
TSa:	تشجع الحكومة بشدة استخدام غطاء الوجه خصوصا في الأماكن المزدحمة مثل الأسواق الليلية والمرحلة ومراكز التسوق ودور العبادة.

Kajian mendapati terdapat maklumat yang tiada dalam (TSu) telah ditambah ke dalam (TSa) iaitu perkataan " المرحلة " dalam contoh 6 di atas. Perkataan Arab ini mempunyai beberapa makna seperti fasa, masa, tempoh dan peringkat (Almaany, 2023). Namun, jika diteliti dalam (TSu), tidak dinyatakan, malah ia telah ditambah dalam terjemahan Arab. Selain itu, kata nama “stadium” tidak diterjemahkan kepada "الأستاذ" . Maklumat ini perlu

dipindahkan dalam (TSa) kerana penyenaaran tempat awam tersebut bertujuan memberi penekanan dan galakan pemakaian pelitup muka seperti yang disarankan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, kajian mendapati penambahan maklumat baharu menyebabkan berlaku kehilangan makna kerana berlaku ketidaktepatan terjemahan yang diberikan oleh pelajar.

Contoh 7

TSu:	Tinggalkan <u>bilik anda</u> dengan tenang selepas menutup tingkap!
TSa:	اترك لك الغرفة بالطيران بعد اغلاق النافذة.

Jika diteliti contoh 7 di atas, ayat (TSa) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab menunjukkan terdapat penambahan kata sendi (J) yang bermaksud untuk/kepada. Kata sendi ini tidak dinyatakan dalam ayat (TSu). Penambahan yang dilakukan menunjukkan kekeliruan pelajar dalam menterjemah frasa kata nama (TSu) dalam bahasa Melayu iaitu bilik anda. Mereka menterjemah frasa kata nama tersebut (TSu) kepada frasa sendi nama dalam (TSa). Penambahan kata sendi nama dalam (TSa) tidak menghasilkan terjemahan yang tepat dalam (TSa).

c. Perbezaan Makna

Contoh 8

TSu:	Tinggalkan bilik anda <u>dengan tenang</u> selepas menutup tingkap!
TSa:	اترك لك الغرفة بالطيران بعد اغلاق النافذة.

Kajian mendapati terdapat perbezaan makna yang diberikan oleh pelajar dalam (TSa) bagi contoh 8 di atas. Frasa sendi “dengan tenang” dalam (TSu) telah diterjemahkan kepada “بالطيران” yang bermaksud “dengan terbang” (Almaany, 2023). Ini jelas berbeza dengan maksud sebenar serta terpesong maknanya, dengan membekalkan maklumat yang tidak tepat dalam (TSa). Pelajar gagal mendapatkan padanan terjemahan yang tepat bagi frasa sendi “dengan tenang” iaitu “بهدوء”.

Contoh 9

TSu:	Revolusi Perancis <u>telah mengubah</u> wajah dunia.
TSa:	الثورة الفرنسية قد <u>تخير</u> وجه الأرض.

Terjemahan kata kerja dalam contoh 9 menunjukkan terdapat perbezaan makna yang diberikan oleh pelajar dalam ayat (TSa). Perkataan “telah mengubah” dalam (TSu) telah diterjemahkan kepada “تخير” yang bermaksud “telah memilih” (Almaany, 2023). Perbezaan yang ketara dari sudut makna perkataan ini menyebabkan mesej sebenar (TSu) gagal disampaikan dengan tepat. Pelajar gagal mendapatkan padanan terjemahan yang tepat bagi perkataan “telah mengubah” iaitu “غيرت”.

Contoh 10

TSu:	Kerajaan amat menggalakkan pemakaian pelitup muka terutama apabila berada di lokasi tumpuan ramai seperti pasar malam, stadium, gedung beli-belah dan <u>rumah ibadah</u> .
------	---

TSa:	ينبغي الحكومة على استخدام قناع الوجه خاصة عندما تكون في مواقع مزدحمة مثل الأسواق الليلية والملاعب ومراكز التسوق ودور العبادة.
------	---

Merujuk contoh 10, frasa kata nama “rumah ibadah” dalam ayat (TSu) telah diterjemah kepada (Tsa) sebagai " دور العبادة ". Hasil terjemahan jelas menunjukkan terdapat perbezaan makna yang ketara dan mesej asal tidak disampaikan dengan tepat oleh pelajar. Perkataan “دور” bermaksud “peranan” (Almaany, 2023) dan jelas terpesong dari makna yang dikehendaki oleh (Tsa). Terjemahan yang tepat bagi frasa nama “rumah ibadah” ialah “المعابد”.

d. Pengosongan makna

Contoh 11

TSu:	Pengguna platform media sosial Instagram dari beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Perancis, Jerman dan Sepanyol melaporkan gangguan pada aplikasi tersebut.
TSa:	أبلغ مستخدمو منصة التواصل الاجتماعي على الانستغرام من عدة الدول مثل الولايات المتحدة وكندا وفرنسا وألمانيا وإسبانيا عن حدوث اضطرابات في التطبيق.

Jadual contoh 11 di atas menjelaskan bahawa frasa sendi nama “gangguan pada aplikasi” dalam (TSu) telah diterjemahkan kepada “اضطرابات في التطبيق” dalam (Tsa). Frasa nama ini bermaksud sistem aplikasi tersebut tergendala atau tidak berfungsi pada satu tempoh tertentu (Kamus Dewan Perdana, 2021). Terjemahan yang lebih tepat bagi frasa ini ialah “تعطال الخدمة/ التطبيق”. Oleh itu, tiada padanan terjemahan yang tepat dan sejadi diberikan dalam (Tsa) disebabkan pelajar tidak dapat memahami dengan baik serta kabur dengan maksud sebenar frasa tersebut. Hal ini menyebabkan ianya diterjemah secara literal dan tidak memberi maksud seperti yang dikehendaki seperti dalam (TSu).

Contoh 12

TSu:	Hujan pasti <u>turun</u> kerana langit diliputi mendung yang tebal.
TSa:	سيسقط المطر لأن السحاب كثيفة.

Contoh 12 menunjukkan perkataan “turun” telah diterjemah ke (Tsa) sebagai “يسقط” dan ini tidak memberikan makna yang tepat dalam (Tsa) kerana “سقط” bermaksud “jatuh”. Terjemahan yang tepat bagi perkataan “turun” ialah “ينزل”. Pemilihan leksikal yang tidak tepat dan sepadan menyebabkan berlaku pengosongan makna dalam terjemahan. Ini menunjukkan pelajar masih keliru dalam aspek pemilihan leksikal dan tidak dapat menyampaikan maksud (TSu) dengan tepat.

Contoh 13

TSu:	Ini <u>rahsia</u> antara aku dan engkau.
TSa:	هذا المسترق بيني وبينك.

Merujuk kepada contoh 13, kata nama “rahsia” dalam (TSu) telah diterjemah kepada (Tsa) sebagai “المسترق”, dan terjemahan ini adalah tidak tepat sama sekali. Perkataan “مسترق”

bermaksud 'sesuatu yang dicuri'. Maka, tiada padanan setara yang diberikan dalam ayat (TSa), serta menyebabkan berlakunya pengosongan makna dalam terjemahan yang dihasilkan. Pelajar tidak berjaya mendapatkan perkataan yang mempunyai kesepadanan makna dalam (TSa).

KESIMPULAN

Terjemahan antara dua bahasa sememangnya menjadi cabaran kepada penterjemah. Dua bahasa berbeza lazimnya mempunyai ciri dan keistimewaan masing-masing dalam pelbagai aspek termasuklah linguistik dan budaya. Salah satu isu yang sering diperkatakan dalam terjemahan ialah sejauh mana penterjemah dapat memindahkan makna daripada teks sumber kepada teks sasaran dengan tepat dan sejadi.

Ketepatan makna terjemahan ayat Melayu-Arab penting bagi memastikan kehilangan makna dalam terjemahan tidak berlaku dalam TSa. Kecenderungan untuk berlaku terjemahan tidak tepat wujud apabila pelajar gagal mendapatkan padanan terjemahan yang setara bagi memastikan segala maklumat disalin dengan lengkap, sejadi dan jelas. Di samping itu, jika pelajar tidak dapat memahami dengan baik maksud sebenar TSu, maka terjemahan tepat juga tidak dapat dicapai. Namun, terdapat terjemahan tepat yang dapat dihasilkan oleh pelajar apabila padanan yang diberikan dalam TSa mengandungi makna yang setara seperti yang terkandung dalam TSu. Dalam hal ini, terjemahan tersebut berjaya disalin semula secara lengkap dan sejadi.

Kesimpulannya, ketepatan dalam teks terjemahan tidak boleh diambil ringan oleh penterjemah. Leksikal yang sepadan dengan makna teks sumber harus dicari agar sesuai dengan konteks dan laras bahasa teks. Sistem tatabahasa juga mesti dititik beratkan dan dipatuhi. Dengan ini, secara tidak langsung, teks yang diterjemah akan difahami dengan mudah dan jelas.

RUJUKAN

Buku

- Ainon Mohamad. 1979. *Pengantar terjemahan: teori dan latihan praktikal*. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi.
- al-Farisi, M. Zaka. 2011. *Pedoman Penerjemahan Arab Indonesia*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- al-Rajih, Abduh. 1971. *At-Tatbiq An-Nahwi*. Beirut: Dar An-Nahdhah al-Arabiyyah.
- Kamus Dewan Perdana. 2021. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larson, M. L. 1998. *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. 2nd Edition. London: University Press of America.
- Muhammad Norrudin Abdul Aziz & Mat Ariffin Ismail. 2017. *Cara Mudah Menguasai Tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarinah Sharif. 2001. *Padanan Terjemahan Kata Nama: Kes Daripada Dua Buah Novel Jepun*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Tytler, A.F. 1907. *Essay on the Principles of Translation*. London/New York : J.M. Dent & Co./ E.P. Dutton & Co.

Jurnal

- Boh Phaik Ean & Goh Sang Seong. 2015. *Satu Analisis Ketepatan Terjemahan Chengyu dalam Novel Jia (Keluarga) ke dalam Bahasa Melayu*. Jurnal Kemanusiaan. 22(1), 1-26. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Larsen, I. 2001. *The Fourth Criterion of a Good Translation*. Notes on Translation, 15(1), 40-53.
- McDonald, S.V. 2020. *Accuracy, readability, and acceptability in translation*. Applied Translation, 14(2), 21-29.
- Nur Hasanah Safei & Kisman Salija. 2018. *The Naturalness and Accuracy of English Short Story Translation into Indonesian*. ELT Worldwide. 5(1), 44-53.

Laman Sesawang

Almaany. <https://www.almaany.com/en/dict/ar-en/>. (diakses pada 21 Ogos 2023).

Prosiding

Mariyati Mohd. Nor. 2021. *Kesilapan Aplikasi Gender Gramatikal dalam Terjemahan Ayat Bahasa Sepanyol dalam Kalangan Pelajar Bukan Natif di Malaysia*. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-18. Selangor: Universiti Teknologi MARA. 361-376.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.